



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

## **KAJIAN TERHADAP FILEM MELODRAMA YUSOF HASLAM**

Norhasiah Bt Husain

PN  
1912  
N838  
2007

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Keupujian  
(Sinematografi)  
2007

611312724

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK  
UNIMAS



1000166726

Pusat Khidmat Maklumat Akademik  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
94300 Kota Samarahan

## KAJIAN TERHADAP FILEM MELODRAMA YUSOF HASLAM

**NORHASIAH BT HUSAIN**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Sinematografi)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2007

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**  
**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN**

**JUDUL: KAJIAN TERHADAP FILEM MELODRAMA YUSOF HASLAM**

**SESI PENGAJIAN: 2004/2007**

**Saya NORHASIAH BINTI HUSAIN**

Mengaku membenarkan tesis/laporan\* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak.
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan.
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
5. \* sila tandakan

**SULIT**

(mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)


**TIDAK TERHAD**



Tandatangan Penulis

Tarikh: 14/12/07

Disahkan



Tandatangan Penyelia

Tarikh: 14-12-2007

Alamat tetap:

Lot 2321, Jln Nechang,

Kg. Telaga Bata

16200, Tumpat.

Kelantan.

Catatan: \*Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan SarjanMuda

\*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk **Kajian Terhadap Filem Melodrama Yusof Haslam** telah disediakan oleh **Norhasiah bt. Husain** dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian **Program Sinematografi**

Diterima untuk diperiksa oleh:



Miss Teo Miaw Lee

Tarikh:

14-12-2007

## PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, saya berjaya menyiapkan Projek Tahun Akhir pada tahun 2007 di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Kejayaan menyiapkan projek ilmiah ini adalah hasil daripada sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak. Pertama sekali, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Miss Teo Miaw Lee selaku penyelia Projek Tahun Akhir. Terima kasih diatas segala tunjuk ajar, bimbingan serta nasihat yang diberikan sepanjang menyiapkan projek ini. Tidak lupa juga buat pensyarah-pensyarah sinematografi diatas segala tunjuk ajar kalian. Serta tidak lupa buat warga Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif diatas segala kerjasama dan komitmen yang diberikan.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada penduduk Kg. Muara Tuang dan Kg. Telaga Air kerana sudi membenarkan kediaman kalian dijadikan sebagai lokasi penggambaran untuk projek akhir saya ini. Terima kasih juga kepada pelakon-pelakon yang sanggup meluangkan masa membantu saya menyiapkan projek ini. Saya memohon beribu kemaafan sekiranya saya melakukan kesilapan sepanjang penggambaran dijalankan.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada En. Rosman bin Ibrahim kerana telah bersusah payah mengatur temujanji saya bersama dengan Dato Yusuf Haslam. Saya amat terharu dan berbangga kerana Dato sudi meluangkan sedikit masa untuk ditemuramah.

Setinggi-tinggi penghargaan saya hadiahkan buat arwah ibunda tersayang, Pn. Munah bt Samat. Bonda, jutaan terima kasih anakanda ucapkan kerana bonda bersusah payah mendidik anakanda menjadi orang yang berguna. Walaupun kita tidak dapat meraikan kejayaan anakanda ini bersama-sama, tapi segala kenangan dan pengorbanan bonda akan anakanda kenang buat selama - lamanya. Semoga Allah sentiasa mencucuri rahmat keatas rohmu. Amin...Tidak lupa juga buat ayahanda, encik Husain bin Seman diatas jasa dan pengorbanan yang dicurahkan bagi membantu saya dalam menyelesaikan setiap masalah yang dihadapi sepanjang menyiapkan Projek Tahun Akhir ini. InsyaAllah, segala pengorbanan yang dicurahkan akan dikenang buat selama-lamanya.

Akhir sekali, tidak lupa buat rakan-rakan seperjuangan kerana banyak memberi sokongan moral dan sanggup menghulurkan bantuan ketika menyiapkan projek ini.

Sekian, terima kasih.

## SENARAI KANDUNGAN

	MUKA
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/ LAPORAN	i
PENGESAHAN DAN TANDATANGAN PENYELIA	ii
PENGHARGAAN	iii-iv
SENARAI KANDUNGAN	v-vi
ABSTRAK	viii
<i>ABSTRACT</i>	ix
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1-5
1.1 Kenyataan Masalah	5-6
1.2 Objektif Kajian	6
1.3 Skop Kajian	7
<b>BAB 2 : KAJIAN LEPAS</b>	
2.0 Definisi dan Asal Usul Filem Melodrama	8-10
2.1 Filem Melodrama	10-11
2.2 Ciri-ciri Filem Melodrama	11-13
2.3 Perkembangan Filem Melodrama di Malaysia	13-14
2.4 Filem Melodrama Yusof Haslam	15-17

### **BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

3.0 Pendahuluan	18-19
3.1 Metodologi	19
3.1.1 Pengumpulan Data	19
3.1.1.1 Data Primer	19-20
3.1.1.2 Data Sekunder	21
3.2.2 Penganalisaan Data	22
3.3 Kriteria Menganalisis Data	22-23
3.4 Rumusan	24

### **BAB 4 : ANALISIS FILEM**

4.0 Pengenalan	25
4.1 Analisis Filem 1: <i>Sembilu</i>	26
4.1.1 Sinopsis	26
4.1.2 Analisis Filem	26-29
4.2 Analisis Filem 2: <i>Maria Mariana</i>	30
4.2.1 Sinopsis	30
4.2.2 Analisis Filem	30-32



**BAB 5 : KARYA PERIBADI**

5.0 Pengenalan	33
5.1 Sinopsis	34
5.2 Objektif	34
5.3 Tema	34
5.4 Plot	35
5.5 Watak dan Perwatakan	35-36
5.6 Teknik Pencahayaan	37
5.7 Proses Kerja	38
5.7.1 Pre-Produksi	38-39
5.7.2 Produksi	39
5.7.3 Post Produksi	39-40
5.8 Rumusan	40

<b>RUJUKAN</b>	<b>41-43</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>44-58</b>

## ABSTRAK

Yusof Haslam merupakan seorang pengarah tempatan yang telah menghasilkan filem bercorak melodrama yang dikaitkan dengan isu percintaan, kekeluargaan dan juga perbezaan darjat. Bagi memahami bagaimana Yusof Haslam menerapkan elemen-elemen melodrama dalam filem-filemnya, pengkaji telah memfokuskan kajiannya dari segi perwatakan, plot, tema dan teknik pencahayaan.

## ABSTRACT

*Yusof Haslam is one of the local director that produced melodrama film with theme centered on loves, family and status differences. To understand how absorbed the melodrama elements into his films, the researcher's focuses on this research are characterization, plot, theme and lighting technique.*

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Filem melodrama merupakan salah satu filem yang masih dipertontonkan kepada masyarakat umum. Filem ini bermula pada abad ke-19 lagi di *Hollywood* dan masih kekal sehingga sekarang kerana ia dapat menarik minat penonton terutamanya kaum wanita. Merujuk kepada Kamus Dewan edisi ketiga terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka 2002, melodrama boleh didefinisikan sebagai pementasan atau persembahan drama yang berbentuk sentimental, romantik dan menyayat hati. Mengikut sejarah, melodrama sering dikaitkan dengan isu-isu moral dan juga konflik yang dialami oleh manusia biasa di dalam kehidupan seharian. Filem melodrama juga dikenali sebagai filem wanita kerana filem ini sering menggambarkan tentang persoalan, masalah-masalah serta kesulitan dan kebimbangan yang dialami oleh kaum wanita.

Filem melodrama wujud di *Hollywood* semasa zaman Revolusi Perancis lagi. Menurut Peter Brook, melodrama dikatakan wujud akibat daripada kehilangan 'visi yang tragik' iaitu kesan daripada revolusi industri yang berlaku ke atas masyarakat Perancis. Menurut Lea Jacobs, seorang penganalisis filem, beliau telah menganalisis beberapa buah filem melodrama yang telah wujud pada masa itu. Antaranya adalah seperti *Blone Venus* arahan Josef Von Sternberg, 1932, dan filem *Only Yesterday* arahan John Stahl, 1933. Banyak lagi filem yang wujud pada masa itu seperti *Anna Karenina* (Clarence Brown, 1935), *Baby Face* (Alfred Green, 1933) dan *Back Street* (Robert Stevenson, 1941)

Pendedahan filem melodrama di Malaysia masih baru jika dibandingkan dengan *Hollywood*. Filem melodrama muncul di Malaysia setelah wujudnya studio filem di Jalan Ampas pada tahun 1930. Antara filem-filem melodrama pertama yang diterbitkan pada masa itu ialah filem *Laila Majnun* yang diarahkan oleh B. S Rajhans pada tahun 1933. Terdapat beberapa orang sahaja pengarah filem melodrama di Malaysia pada masa kini kerana filem sebegini tidak dapat menarik minat penonton terutamanya kaum lelaki.

Pengarah-pengarah yang terlibat dengan filem melodrama pada masa kini adalah seperti Dato Yusof Haslam, A.Razak Mohaidin, Bade Hj. Azmi dan yang terbaru ialah Khabir Bhatia iaitu pengarah filem *Cinta*. Namun, penghasilan filem melodrama oleh pengarah-pengarah tersebut tidak menonjol jika dibandingkan dengan Yusof Haslam. Hal ini kerana pengarah-pengarah tersebut turut menyelitkan genre-genre lain dalam filem mereka seperti genre komedi dan juga suspen. Ini dilakukan supaya penonton tidak bosan untuk menonton filem melodrama.

Yusof Haslam merupakan seorang pengarah filem tempatan yang banyak menghasilkan filem melodrama sehingga membawa keuntungan ke peringkat *Box Office*. Permulaannya, pada tahun 1970, beliau hanyalah dikenali sebagai seorang pelakon sahaja. Kemudian, beliau mula berjinak-jinak dalam bidang pengarahannya. Filem arahan beliau yang pertama ialah *Bayangan Maut* pada tahun 1991. Pada tahun 1994, beliau mula menghasilkan filem melodrama iaitu filem *Sembilu*. Kemudian diikuti dengan filem *Sembilu 2*, *Maria Mariana*, *Bara*, *Pasrah*, *Janji Diana* dan banyak lagi.

Setelah meneliti filem *Sembilu* dan *Maria Mariana*, didapati filem-filem arahan beliau lebih berbentuk kepada drama yang bertemakan isu percintaan, hubungan kekeluargaan serta persahabatan, darjat dan juga kelas sosial dalam sesebuah masyarakat. Jalan ceritanya hampir sama dengan filem melodrama dari *Bollywood*. Ini kerana filem melodrama *Bollywood* juga lebih berbentuk kepada drama muzikal yang berkaitan dengan isu percintaan dan juga perbezaan darjat. Contohnya seperti filem *Kuch-Kuch Hota Hai*.

Dalam satu artikel yang dipetik daripada Utusan Malaysia pada 22 Ogos 2007, Dato Yusof Haslam mengakui filem-filem melodrama beliau mempunyai persamaan dengan filem-filem *Bollywood*.<sup>1</sup> Hal ini kerana beliau berpendapat seseorang pengarah berhak

---

<sup>1</sup>Yusof Haslam, (Ogos 2007). *Filem Saya Ada Kelas Tersendiri*. Dilayari pada 1 September 2007. Daripada: <http://www.utusan.com.my>

untuk menentukan kehendak masing-masing kerana berpaksikan kepada komersial dan setiap filem yang dihasilkan mempunyai kelas yang tersendiri. Selain itu, sekiranya dilihat kepada filem-filem melodrama melayu pada tahun 1930-an, filem tersebut juga mempunyai persamaan dengan filem *Bollywood* kerana pengarah-pengarah yang menghasilkan filem pada masa itu diimpot dari India. Contohnya seperti B. S. Rajhans. Tidak hairanlah sekiranya pengarah-pengarah pada masa kini terpengaruh dengan teknik-teknik yang digunakan oleh pengarah filem pada masa itu.

Filem melodrama juga menjadi genre yang dominan dalam setiap filem arahan beliau kerana genre ini lebih menumpukan kepada persoalan kekeluargaan dan wanita iaitu elemen yang menjadi teras dalam filem beliau. Setiap watak dalam filem arahan beliau akan berhadapan dengan keadaan sosial seperti menjadi mangsa keganasan dan juga pencabulan. Sebagai contoh, filem *Maria Mariana*. Maria merupakan seorang kakak yang bertanggungjawab dan penyayang manakala Mariana hidup penuh dengan sosial, dan tiada pegangan hidup. Namun kehidupan Mariana berubah apabila dia berjumpa dengan seorang pemuda. Dia mula menggembirakan hati Maria dan ibunya. Tetapi, perubahan pada diri Mariana tidak berkekalan dan dia kembali kepada keadaan asal disebabkan tekanan sekeliling.

Kebanyakan pelakon-pelakon dalam filem arahan beliau memegang watak yang sedih dan setia kepada cinta. Contohnya dalam filem *Sembilu*, Erra Fazira yang memegang watak sebagai Watie yang sentiasa bersedih apabila mengenangkan kisah percintaannya bersama dengan Awie. Dia juga merupakan seorang yang setia terhadap cinta sehinggalah

dia terpaksa berkahwin dengan Syamsul setelah kecewa apabila mendapat tahu Awie telah ditangkap khalwat dengan Ziana.

Mengikut cetusan pemikiran pengkaji, audien dapat menerima filem-filem arahan beliau mungkin kerana beliau pandai menarik emosi audien dalam filem melodramanya terutamanya golongan wanita.

## **1.1 Kenyataan Masalah**

Daripada kajian yang dijalankan, didapati filem-filem Yusof Haslam masih popular walaupun tidak diterima pengkritik dan sesetengah golongan terutamanya golongan lelaki.

Melalui kajian ini, pembaca akan mengetahui tentang maksud filem melodrama dan kenapa Yusof Haslam cukup sinonim dengan filem-filem sedemikian.

Merujuk kepada filem melodrama Yusof Haslam, kebanyakannya menonjolkan tentang permasalahan yang dihadapi seharian oleh masyarakat pada masa kini yang sering dikaitkan dengan isu-isu sosial, kisah-kisah percintaan serta isu yang berkaitan dengan kekeluargaan. Selain itu, ianya turut memaparkan hubungan kasih sayang antara keluarga, sahabat, kekasih, pangkat serta darjat yang menjadi perbezaan antara seseorang individu. Setiap watak akan menonjolkan perwatakan tersendiri, contohnya seperti ibu, bapa, kakak,



kekasih ataupun rakan-rakan. Contoh filem melodrama beliau yang menonjolkan jalan cerita sebegini adalah seperti filem *Sembilu*, *Maria Mariana*, *Janji Diana* dan sebagainya.

## 1.2 Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti bagaimana Yusof Haslam menerapkan ciri-ciri melodrama dalam filem arahan beliau. Selain itu, kajian ini juga adalah bertujuan untuk mengenalpasti tentang perwatakan setiap karakter dalam filem melodrama serta mengupas permasalahan dan konflik yang tercetus dalam filem melodrama.

Kajian yang akan dibuat akan menghuraikan persoalan bagaimana Yusof Haslam menerapkan ciri-ciri melodrama dalam filem beliau. Selain itu, kajian ini juga akan menghuraikan tentang permasalahan yang tercetus. Kajian ini dilakukan melalui penelitian terhadap filem melodrama Yusof Haslam dan melalui buku-buku ilmiah yang berkaitan dengan tajuk tesis ini.

### 1.3 Skop Kajian

Skop kajian yang dibuat adalah lebih difokuskan kepada filem melodrama Yusof Haslam Antaranya adalah seperti plot, watak dan perwatakan, tema dan pencahayaan yang terdapat dalam filem beliau. Hal ini memudahkan pengkaji untuk mengkaji skop kajian yang akan dijalankan. Dengan mengkaji elemen-elemen diatas, pengkaji dapat mengetahui mengenai filem melodrama beliau.

Dalam bab satu, perbincangan dan penerangan yang spesifik telah memberi gambaran yang merangkumi pengenalan kepada kajian, kenyataan masalah, objektif kajian dan skop kajian yang dijalankan. Secara ringkasnya bab satu telah menyentuh tentang kajian terhadap melodrama dan pengarah secara umum.

## BAB 2

### KAJIAN LEPAS

#### 2.0 Definisi dan Asal Usul Filem Melodrama

Perkataan melodrama berasal daripada perkataan Greek yang bermaksud lagu atau muzik yang didramakan mengikut perbuatan atau aksi yang berkaitan dengan tragedi.

<sup>2</sup>Peter Brook telah mendefinisikan filem melodrama sebagai drama yang diiringi dengan muzik dan bermula semasa zaman revolusi Perancis. Filem ini diadaptasikan daripada kesan kehilangan yang tragik yang telah berlaku dalam kebudayaan Eropah.

Dalam sebuah artikel yang bertajuk *Melodrama*, melodrama merupakan salah satu bentuk cerita yang paling popular pada abad ke-19. Bentuk filem melodramanya lebih

---

<sup>2</sup> Brooks, P. (1976). *The Melodramatic Imagination*. New Haven, Connecticut: Yale University Press.

kepada komedi sentimental, tragedi dan juga dikenali sebagai lakonan bisu. Filem melodrama memberikan gambaran yang mempunyai motif serta mesej yang jelas. Menurut seorang sarjana filem iaitu Stephen Neale, beliau mengatakan filem melodrama sekitar tahun 1950 dan 1960 :

<sup>3</sup>“...as a pejorative term. It was opposed or counterposed to realism. The melodrama exalted verisimilitude, rather than realism and the due to its moulding by 19<sup>th</sup> century theatrical productions, consistent associates were with pathos, romance, domesticity, the familial and the feminine in the women's film...”

Melodrama merupakan sebuah filem yang dicirikan sebagai satu plot yang dapat mengangkat emosi penonton. Hal ini kerana filem melodrama merupakan sesuatu yang tidak realistik dan berkaitan dengan cerita-cerita romantik. Filem melodrama mengetengahkan watak-watak yang stereotaip, bertujuan untuk memenangi hati penonton terutamanya golongan wanita. Tidak hairanlah sekiranya filem melodrama sering digelar sebagai *women pictures*, *weepes* dan *tearjerkers*.

---

<sup>3</sup> Alex Burn (2001) *Melodrama Film*. Dilayari pada 25 Sept 2007. Daripada:

<http://www.disinfo.com/archive/pages/article/id1463/pg1/Hal>

Selain itu, filem melodrama juga dikenali sebagai filem wanita dan mula berkembang di *Hollywood* pada era 1930-an, 1940-an dan 1950-an. Filem ini menyetengahkan watak-watak wanita, dan kebiasaannya ditulis daripada hasil kerja wanita. Filem melodrama bertujuan untuk mencetuskan maklum balas daripada wanita terhadap isu kewanitaan yang dibangkitkan contohnya seperti hubungan cinta heteroseksual, bersekedudukan dan keibuan.

## 2.1 Filem Melodrama

Filem melodrama dikenali sebagai filem wanita kerana filem ini sering menggambarkan tentang persoalan, masalah-masalah serta kesulitan dan kebimbangan yang dialami oleh kaum wanita. Menurut seorang pengkritik filem iaitu Laura Mulvey, beliau menjelaskan filem melodrama adalah sesuai untuk kaum wanita kerana ia berfungsi untuk mewujudkan keseimbangan yang dominan. Baginya, cara yang terbaik bagi wanita untuk memperbaiki keseimbangan dalam diri adalah dengan cara melayani kekecewaan. (Mulvey. 1977: 40)

Filem melodrama sering menceritakan tentang kejadian yang telah berlaku kepada seseorang wanita yang mana mereka mengalami kegagalan dalam kehidupan seharian. Contohnya mereka terpaksa bekerja keras dan mengorbankan segala kegembiraan demi membahagiakan anak-anak. Ini ditonjolkan dalam beberapa buah filem seperti *In Imitation of Life* ( 1934 ), *Stell Dallas* ( 1937 ), *Mildred Pierce* (1945) dan banyak lagi.

Namun terdapat beberapa perubahan terhadap filem melodrama pada masa dahulu jika dibandingkan dengan masa kini. Di *Hollywood*, filem melodrama pada zaman dahulu wujud akibat daripada berlakunya propaganda dalam sesebuah masyarakat sehingga menyebabkan kaum perempuan yang menjadi mangsa keadaan, terutamanya dalam melayani hubungan seks dan terpaksa bekerja keras serta menolak segala kegembiraan. Keadaan ini telah diadaptasikan oleh pengarah-pengarah pada masa itu. Kebanyakan pengarah yang menghasilkan filem melodrama pada masa itu juga terdiri daripada kaum wanita. Antara pengarah wanita pada masa itu ialah Dorothy Arzner. Keadaan ini berbeza dengan filem melodrama di Malaysia pada masa itu, dimana ia hanya dikaitkan dengan masalah kekeluargaan dan masalah percintaan sahaja.

## 2.2 Ciri-Ciri Filem Melodrama

Filem-filem melodrama telah dikelaskan kepada beberapa ciri seperti kesan-kesan tragis, *happy ending* dan *sad ending*, emosi, lagu dan muzik, unsur-unsur dramatik dalam lakonan dan dalam skrip, plot serta nilai-nilai moral.

Kesan-kesan tragis selalu diselitkan dalam filem melodrama. Ini bersesuaian dengan filem melodrama yang dikenali dengan *tearjerkers*. Biasanya kesan-kesan tragis yang sering ditonjolkan dalam filem melodrama adalah seperti percintaan yang terhalang disebabkan oleh perbezaan darjat. Keluarga terlalu mementingkan kedudukan sehingga menghancurkan perasaan hati orang lain.

Dalam filem melodrama, biasanya pengakhiran cerita diakhiri dengan *sad ending* dan juga *happy ending*. Sesebuah filem akan diakhiri dengan *sad ending* sekiranya seseorang watak tidak mencapai apa yang diinginkan contohnya kematian ataupun disebabkan oleh perkahwinan paksa. Manakala *happy ending* berlaku sekiranya seseorang watak mendapat apa yang diinginkan contohnya cinta yang berakhir dengan perkahwinan.

Dari segi emosi, filem melodrama dapat menaikkan emosi penonton. Penonton-penonton akan bermain dengan emosi. Contohnya sekiranya terdapat babak-babak yang menyedihkan, audien akan turut sama merasainya. Begitu juga dengan kegembiraan.

Muzik dan lagu juga turut diselitkan dalam filem melodrama untuk menimbulkan emosi dan untuk memperkenalkan seseorang watak. Muzik juga berperanan dalam babak-babak tertentu. Contohnya, babak-babak yang menyedihkan akan diselitkan dengan muzik yang perlahan dan menyedihkan.

Dari segi penggunaan plot, plot melodrama meliputi pusingan yang tidak dijangka dan pengunduran jalan cerita serta meliputi sesuatu peristiwa. Filem melodrama mempunyai plot yang boleh menyentuh perasaan seseorang. Plot-plot yang sangat beremosi selalu dititikberatkan untuk menunjukkan sesuatu situasi ataupun krisis yang berkaitan dengan emosi manusia, hubungan percintaan yang terhalang, hubungan kekeluargaan yang tidak rapat, tragedi, ataupun keperitan hidup. Watak-watak hero dan

watak-watak jahat ditonjolkan dengan kehidupan sosial yang sangat dashyat dan kehidupan yang terancam.

### **2.3 Perkembangan Filem Melodrama Di Malaysia**

Filem melodrama muncul di Malaysia setelah wujudnya syarikat perfileman pada tahun 1930an. Penayangan filem pada masa itu adalah secara kecil-kecilan sahaja. Antara filem melodrama pertama yang ditayangkan di Tanah Melayu adalah filem *Laila Majnun* yang diarahkan oleh B. S Rajhans pada tahun 1933. Filem tersebut merupakan sebuah filem yang divedok daripada cerita rakyat sanskrit mengenai percintaan yang tidak direstui dan dipisahkan oleh keluarga masing-masing melalui watak Laila dan Majnun. Filem ini juga adalah diadaptasi dari cerita bangsawan kerana sebelum ini cerita-cerita bangsawan merupakan bentuk hiburan terawal di Tanah Melayu. Filem ini berjaya menambat hati penonton pada masa itu menyebabkan dua orang adik-beradik iaitu Run Run dan Run Me Shaw telah membeli peralatan penggambaran bagi menghasilkan filem-filem melayu di Studio Jalan Ampas, Singapura. Walau bagaimanapun pasangan adik-beradik ini sempat menghasilkan lima hingga enam buah filem sahaja kerana Jepun telah menyerang Tanah Melayu pada tahun 1941.

Selepas tamat peperangan dunia ke-2, perkembangan filem melayu di Malaysia semakin bertambah. Begitu juga dengan filem-filem melodrama. Antaranya adalah filem *Cinta* pada tahun 1948, dimana pada masa itu P.Ramlee telah menceburkan diri di dalam